

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 3 DISEMBER 2014 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	36 saintis Malaysia terima RM447,000 untuk projek penyelidikan	Bernamea.com
2	Kumpul pandangan AKTA PKS	Harian Metro
3	SIRIM, Fraunhofer bantu PKS tingkat inovasi	Utusan Malaysia
4	PM: Subsidy boost for SME's	New Straits Times
5	Subsidi kadar faedah dua peratus diberi pada SME partner yang dikenal pasti: Najib	Bernamea.com
6	Rang undang-undang PKS ke parlimen suku ketiga 2015	Berita Harian
7	Malaysia johan acara water rocket asia pasifik di Jepun	Bernamea.com
8	Terokai alam sains di PSN	Sinar Harian
9	Kepakaran siber Malaysia diiktiraf antarabangsa	Utusan Malaysia
10	Jabatan Meteorologi pasang alat jangka suhu	Berita Harian
11	Banjir kilat landa beberapa lokasi di Labuan	Bernamea.com
12	Gempa bumi kuat di Pulau Mindanao, Filipina	Bernamea.com
13	Pelan induk Teknologi Hijau dilaksana tahun depan	Bernamea.com



## 36 Saintis Malaysia Terima RM447,000 Untuk Projek Penyelidikan

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Seramai 36 orang saintis dan penyelidik dari pelbagai universiti menerima anugerah dan wang tunai berjumlah RM447,000 daripada Yayasan Sains Toray Malaysia (MTSF) di atas usaha mereka dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

Dua orang saintis menerima Anugerah Sains dan Teknologi MTSF 2014 dan 17 penyelidik diberi Anugerah Pendidikan Sains MTSF 2014, 17 pengajar sains pula menerima Geran Penyelidikan Sains dan Teknologi MTSF 2014.

Pengerusi MTSF Tan Sri Omar Abdul Rahman, berkata anugerah itu bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian cemerlang serta teknik pengajaran sains yang berkesan dan inovatif oleh para saintis Malaysia.

"Saya harap lebih banyak rakyat Malaysia, termasuk komuniti bukan saintifik, menyertai MTSF untuk terus mempromosikan bidang sains dan teknologi," katanya pada majlis anugerah MTSF di sini pada Selasa.

Teks ucapannya dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Tan Sri Augustine Ong Soon Hock.

Sementara itu, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#), berkata Anugerah Penyelidikan Sains dan Teknologi MTSF boleh membantu meningkatkan minat dan melibatkan penyelidik muda dalam sains dan teknologi.

"Saluran berterusan penyelidikan tempatan dan pembangunan bakat-bakat ini kekal penting untuk Malaysia mencapai matlamat jangka panjang bagi pertumbuhan mampan berdasarkan kreativiti dan inovasi.

"Ini akan mengekalkan usaha-usaha kita dalam memastikan terdapat modal insan mencukupi yang berminat terhadap sains," katanya.

Ewon berkata sejak dua dekad lepas, 618 saintis Malaysia, penyelidik dan guru menengah sains di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada anugerah MTSF.

-- BERNAMA

# Kumpul pandangan Akta PKS

■ Rang undang-undang sedang dikemas kini sebelum dibahas di Parlimen suku ketiga 2015

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my  
Putrajaya

Rang undang-undang bagi Akta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dijangka dibentangkan di Parlimen pada suku ketiga tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib mengumumkan perkara itu pada sidang media selepas mempengerusikan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), di sini, semalam.

Menurutnya, sesi konsultasi mengenai Akta PKS dijangka berakhiri pada Januari tahun depan dan diperhalusi untuk se-

makan Jabatan Peguam Negara, seterusnya dibahas di Parlimen.

"Sehingga November lalu, sesi konsultasi dijalankan di Melaka, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Kelantan dan Pahang, malah sesi itu diteruskan ke negeri lain sebelum dijangka berakhir pada Januari tahun depan.

"Akta PKS merangkumi butiran mengenai peranan dan tanggungjawab kedua-dua pihak termasuk kerajaan dan swasta dengan kerajaan memainkan peranan sebagai pengawal seliaan dan pemantauan, manakala pihak swasta pula mengamalkan peranan lebih proaktif melalui persatuan dan Dewan Perniagaan," katanya. Katanya, beliau mahu semua pihak termasuk agensi dan pihak yang terbabit dalam pembangunan Akta PKS terus bekerjasama melon-



FOTO: MICHO FADEL HANAZAH

NAJIB bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed (kiri) dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin menyaksikan Dr Zainal Abidin (dua dari kiri) bertukar MoU dengan Dr Kaiser, semalam.

jakan pertumbuhan ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Najib berkata, kerajaan juga meletakkan sasaran Pelan Induk PKS berupaya meningkatkan sumbangan sektor PKS kepada Keluaran Da-

lam Negara Kasar (KDNK) kepada 41 peratus selain 25 peratus pasaran eksport serta guna tenaga kepada 62 peratus menjelang 2020.

Menurutnya, kerajaan akan mewujudkan Majlis Eskport Negara sebagai ker-

jasama antara agensi bagi menggalak dan meningkatkan aktiviti eksport dalam kalangan PKS.

Terdahulu pada majlis sama, Najib turut berkesempatan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum

Persefahaman (MoU) antara SIRIM Bhd dan peneraju badan penyelidikan terkemuka Eropah, Institut Fraunhofer Gesellschaft (Fraunhofer).

SIRIM diwakili Presiden dan Ketua Eksekutifnya Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof dan Ahli Lembaga Pengurusan Fraunhofer Dr Lorenz Kaiser.

Najib berkata, kerjasama strategik itu bertujuan mengukuhkan pembangun sektor PKS tempatan menerusi adaptasi ekosistem Jerman bagi pembangunan PKS selain kerjasama dalam teknologi termaju, pengkomersialan dan peningkatan perniagaan.

Fraunhofer adalah satu daripada institusi penyelidikan terbesar Eropah yang mempunyai lebih daripada 23,000 orang kakitangan dan 61 buah institut dengan peruntukan penyelidikan tahunan yang berjumlah sehingga 1.5 bilion Euro.

**FAKTA**  
Sesi konsultasi  
Akta PKS  
dijangka berakhir  
Januari tahun  
depan

# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 08 TARIKH : 3 DISEMBER 2014 (RABU)



NAJIB TUN RAZAK menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman antara Zainal Abidin Mohd. Yusof (dua dari kiri) dan Lorenz Kaiser di Putrajaya, semalam. Turut hadir pada majlis itu adalah Mustapa Mohamed (kiri) dan Ewon Ebin (kanan). - UTUSAN/RASHID MAHFUF

## SIRIM, Fraunhofer bantu PKS tingkat inovasi

**KUALA LUMPUR 2 Dis.** - SIRIM Bhd. (SIRIM) bekerjasama dengan Fraunhofer Gesellschaft Institute (Fraunhofer), organisasi penyelidikan berorientasikan aplikasi yang terbesar Eropah bagi mengukuhkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, kerjasama bagi tempoh dua tahun itu akan dilaksanakan melalui adaptasi eko-sistem Jerman bagi pembangunan PKS selain kerjasama dalam teknologi termaju, pengkomersialan dan peningkatan perniagaan.

Katanya, SIRIM telah memperkenalkan Model Inovasi Perindustrian mengguna pakai dan mengadaptasi prinsip Model Fraunhofer dalam penyelidikan guna untuk pembangunan PKS bagi mendorong inisiatif penemuan teknologi, peningkatan teknologi serta audit teknologi untuk PKS.

"Melalui platform ini, Rangkaian Inovasi Perindustrian Malaysia akan diwujudkan daripada pusat-pusat kecemerlangan yang terpilih untuk menggabungkan kecekapan teknikal dan teknologi bagi menyediakan penyelesaian teknologi kepada pihak industri.

"SIRIM akan mendapat manfaat daripada jaringan institut Fraunhofer bagi meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan PKS dengan penekanan terhadap penyelidikan bersama dan perkhidmatan teknikal, pertukaran kakitangan dan maklu-



**Kerjasama bagi tempoh dua tahun itu akan dilaksanakan melalui adaptasi eko-sistem Jerman bagi pembangunan PKS selain kerjasama dalam teknologi termaju, pengkomersialan dan peningkatan perniagaan."**

**ZAINAL ABDIN MOHD. YUSOF**  
Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM

mat, serta kajian inovasi strategik," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Memorandum persefahaman bagi kerjasama itu telah ditandatangani oleh Zainal Abidin dan Ahli Lembaga Pengurusan Fraunhofer, Dr. Lorenz Kaiser dalam majlis yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya dan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin; Ketua Pegawai Eksekutif SMECorp., Datuk Hafsa Hashim dan Pengerusi SIRIM Berhad, Da-

tuk Jamaliah Kamis.

Fraunhofer adalah antara institusi penyelidikan terbesar Eropah mempunyai lebih 23,000 kakitangan dan 67 institut dengan peruntukan penyelidikan tahunan berjumlah sehingga dua bilion Euro (RM8.5 bilion).

Objektif utama Fraunhofer adalah untuk melakukan transformasi kepakaran saintifik kepada aplikasi bagi dimanfaatkan oleh syarikat swasta dan awam serta masyarakat secara amnya.

Sebagai penyambung antara penyelidikan akademik dan amalan perniagaan, Fraunhofer memberi sumbangan besar kepada pemindahan teknologi antara universiti dan industri.

SIRIM memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan industri besar dan PKS tempatan dengan memberi tumpuan kepada penemuan serta pembangunan teknologi baharu yang membawa kepada penambahbaikan, impak serta kelebihan daya saing kepada industri di Malaysia.

SIRIM dan Fraunhofer akan bekerjasama dalam bidang seperti Kesihatan dan Alam Sekitar, Mobiliti dan Pengangkutan, Komunikasi dan Maklumat, Tenaga dan Sumber, Pengeluaran dan Perkhidmatan serta Keselamatan.

Kedua-dua institusi penyelidikan itu juga akan bekerjasama dalam kajian strategik secara analisis bersama dan pementauan pembangunan pasaran di Malaysia; pelaksanaan projek R&D untuk menyokong syarikat-syarikat serantau; dan penganjuran persidangan, bengkel serta seminar secara bersama.

# PM: Subsidy boost for SMEs

**MORE CARROTS:** Slew of incentives for high-impact programmes

**AZURA ABAS**  
PUTRAJAYA  
news@nst.com.my

**S**EVERAL measures, including a two per cent interest rate subsidy for investment partners of small- and medium-scale enterprises (SMEs), have been outlined to grease the sector's growth.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said the subsidies were necessary due to the high cost involved.

"It involves sukuk (Islamic bonds), meaning the cost will be pretty high.

"Thus, we have decided to give subsidies at an interest rate of two per cent to SME investment partners who have been identified," said Najib, who is also finance minister, after chairing the National SME Development Council (NSDC) meeting here yesterday.

A total of RM310 million has been allocated for high-impact programmes (HIPs), including RM250 million for SME Investment Partner programmes to enhance early-stage financing for SMEs that will also receive a RM125 million boost from the private sector. For the purpose, innovation and productivity would be emphasised, Najib said.

"The SME master plan aims to raise the contribution of SMEs to the GDP (gross domestic product) to 41 per cent (by 2020) from the current 34 per cent."

The master plan also strived to push the contribution of SMEs in exports to 25 per cent and employment to 62 per cent by 2020, he said,



Prime Minister **Datuk Seri Najib Razak**, International Trade and Industry Minister **Datuk Seri Mustapa Mohamed** and Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Dr Ewon Ebin** witness the handing of documents by Sirim Berhad chief executive **Dr Zainal Abidin Mohd Yusof** and Fraunhofer Gessellschaft Institute board member **Dr Lorenz Kaiser** following the signing of the MoU at Bangunan Perdana Putra in Putrajaya yesterday. Pic by Mohd Fadli Hamzah

adding that since the master plan was evidence-based, a monitoring and evaluation system would be set up to track the progress of all HIPs.

SME Corp Malaysia, as the coordinator of the SME master plan, will track the progress of all HIPs through a dashboard and assess the impact of the programmes to the economy. The NSDC has also given the green light to establish an Export Promotion Council as an inter-agency collaboration to promote and boost exports, including by SMEs.

Another measure taken was to get better coordinated involvement from the public and private sectors

through a specific Act known as the SME Bill.

The drafting of the SME Bill, Najib said, would include details on the role of the public sector, with focus on regulatory control and monitoring while the private sector would have a more proactive role through associations and chambers of commerce.

Consultation sessions — seeking the views and suggestions from the public before the bill is submitted to the Attorney-General's Chambers and debated in Parliament — have been carried out in Malacca, Negri Sembilan, Sabah, Sarawak, Kelan-

tan and Pahang.

"The consultation sessions will continue and are expected to end in January next year. If the draft is approved, the bill will be tabled in Parliament in the third quarter of next year and possibly enacted by January 2016," said the prime minister.

Najib earlier witnessed the signing of a memorandum of understanding (MoU) between Sirim Berhad and German research organisation, Fraunhofer Gesellschaft Institute (Fraunhofer), Europe's largest application-oriented research organisation.

The strategic alliance with Fraunhofer was made to strengthen SMEs development through adapting the German eco-system of SME development and to collaborate in advanced technologies, commercialisation and upscaling.

**NST Digital Edition**



For video, go to  
[subscription.nstp.com.my](http://subscription.nstp.com.my)



## Subsidi Kadar Faedah Dua Peratus Diberi Pada SME Partner Yang Dikenal Pasti: Najib



PUTRAJAYA, 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Selasa mengumumkan subsidi kadar faedah sebanyak 2.0 peratus akan diberikan kepada SME Partner yang dikenal pasti melalui Program Berimpak Tinggi: SME Investment Partner di bawah pelan induk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata bantuan subsidi itu diperlukan kerana ia melibatkan kos yang agak tinggi.

"Oleh kerana ini melibatkan pinjaman sukuk, maknanya kosnya akan menjadi agak tinggi dan dalam mesyuarat tadi kita putuskan bahawa kerajaan akan memberi subsidi kadar faedah sebanyak dua peratus kepada SME Partner yang dikenal pasti dan dengan cara ini peruntukan tersebut boleh dimanfaatkan.

Najib berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan ke-17 di sini pada Selasa.

Dalam pembentangan Bajet 2015 lepas, kerajaan telah mencadangkan pelaksanaan 'SME Investment Partner' dengan dana sebanyak RM375 juta disediakan untuk PKS dalam bentuk pinjaman, ekuiti atau kedua-duanya terumanya di peringkat permulaan.

Sejumlah RM250 juta daripada SME Bank dan RM125 juta lagi daripada pelabur swasta.

Najib juga berkata draf rang undang-undang PKS sedang disiapkan dan dijangka dibentangkan di Parlimen pada suku ketiga tahun hadapan.

SME Corp dalam satu kenyataan berkata draf itu akan merangkumi butiran tentang peranan dan tanggungjawab kerajaan dan swasta di mana kerajaan akan menumpukan kepada pengawalseliaan dan pemantauan sementara swasta akan mengambil peranan lebih proaktif melalui persatuan dan dewan perniagaan.

"Sesi konsultasi kini sedang dijalankan di seluruh negara untuk mendapatkan pandangan dan cadangan dari pihak awam sebelum draf akta ini dikemas kini dan diperhalusi untuk semakan Jabatan Peguam Negara sebelum dibahaskan di parlimen," katanya.

Najib berkata sumbangan PKS dalam menjayakan Asean sebagai sebuah komuniti ekonomi dan pembangunan PKS di setiap negara Asean merupakan antara program penting yang akan diperjuangkan Malaysia sebagai pengerusi Asean tahun hadapan.

Terdahulu beliau menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman antara [Sirim Bhd](#) dan Fraunhofer Gesellschaft Institute untuk mengukuhkan pembangunan PKS di negara ini melalui adaptasi ekosistem Jerman bagi pembangunan PKS selain kerjasama dalam teknologi termaju pengkomersialan dan peningkatan perniagaan.

--BERNAMA

# Rang Undang-Undang PKS ke Parlimen suku ketiga 2015

» *Akta digubal bagi tonjol amalan terbaik pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

**R**ang Undang-Undang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dijangka dibentangkan di Parlimen pada suku ketiga tahun depan dalam usaha memperkasakan sektor itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, sesi konsultasi kini sedang dilaksanakan di seluruh negara bagi mendapatkan pandangan, pendapat dan cadangan semua pihak berkepentingan sebelum draf akta dikemaskini serta diperhalusi untuk semakan Jabatan Peguam Negara.

Hingga November lalu, sesi konsultasi diadakan di Me-

laka, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Kelantan serta Pahang. Sesi akan diteruskan dan dijangka berakhir Januari tahun hadapan.

“Sekiranya diluluskan, ia digubal pada Januari 2016,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan ke-17, di Dewan Persidangan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

## **Tonjol amalan terbaik**

Tahun lalu, kerajaan mengumumkan Akta PKS akan digubal bagi menonjolkan amalan terbaik perusahaan itu dan memberi panduan lebih jelas mengenai hala tuju pembangunan serta masa depan PKS.

Akta PKS akan merangkumi enam bidang utama, iaitu Panduan Umum, Rangka kerja Institusi, Akses ke Pasaran, Insentif Khusus, Pembiayaan untuk PKS dan Ketanggungjawaban pihak yang terbabit mengikut akta berkenaan.

“Ia juga akan menetapkan dengan jelas peranan setiap Kementerian dan agensi, selain mewujudkan penyelarasan

“*Sesi konsultasi kini dilaksanakan di seluruh negara bagi mendapatkan pandangan, pendapat dan cadangan semua pihak berkepentingan sebelum draf akta dikemaskini serta diperhalusi untuk semakan Jabatan Peguam Negara”*

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

bagi mengelakkan pertindihan kerja antara satu sama lain.

Najib berkata, mesyuarat turut menyentuh Pelan Induk PKS yang akan menjadi strategi menyeluruh bagi inisiatif PKS dengan sasaran meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 41

peratus, eksport kepada 25 peratus dan guna tenaga kepada 62 peratus menjelang 2020.

Satu Majlis Eksport Negara akan diwujudkan bagi menjalin kerjasama antara agensi dalam menggalakkan dan meningkatkan eksport termasuk di kalangan PKS. Pelan induk ini akan terus menjadi asas kepada pembangunan PKS sehingga 2020.

## **Perkukuh PKS tempatan**

Najib turut menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara SIRIM Bhd dan peneraju badan penyelidikan terkemuka Eropah, Institut Fraunhofer Gesellschaft (Fraunhofer).

SIRIM diwakili Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof, manakala Fraunhofer oleh Ahli Lembaga Pengurusan Fraunhofer, Dr Lorenz Kaiser.

Kerjasama strategik itu bertujuan mengukuhkan pembangunan sektor PKS tempatan menerusi adaptasi ekosistem Jerman bagi pembangunan PKS, selain kerjasama dalam teknologi termaju, pengkomersialan dan peningkatan perniagaan.





## Malaysia Johan Acara Water Rocket Asia Pasifik Di Jepun

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Malaysia buat julung kalinya muncul johan pertandingan acara Water Rocket peringkat Asia Pasifik yang berakhir di Funabashi, Jepun pada Isnin.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr Noordin Ahmad berkata kejohanan dua hari itu menyaksikan Nor Hafizi Shahrudin, 16, dari Kolej Vokasional Slim River, Perak menewaskan kira-kira 100 peserta lain.

"Kemenangan ini merupakan satu tanda aras terhadap tahap kecemerlangan pendidikan sains angkasa di Malaysia selaras usaha kerajaan meningkatkan minat pelajar terhadap sains angkasa.

"Ini terutamanya dalam membangunkan kemahiran mereka mengaplikasikan pengetahuan angkasa yang telah mereka pelajari dalam mereka bentuk dan mengendalikan roket buatan sendiri," katanya kepada Bernama, pada Selasa.

Selain Nor Hafizi, Noordin berkata pasukan negara diwakili Muhammad Danial Redzuan, Muhammad Saifullah Mohamad Shahrul Annuar, dan Luqman Muhamad Rafi.

Sebelum ini, kesemua pelajar berusia 16 tahun itu menjadi pasukan yang menjuarai Pertandingan Teknologi Pelancaran Teknologi Raket 2014 di Malaysia.

-- BERNAMA

# Teroka alam sains di PSN

ANJUR PAMERAN BERTEMA SEMPENA CUTI SEKOLAH

Cuti sekolah dah bermula dan pasti ramai kalangan kita merancang bercuti bersama keluarga. Jika anda masih mencari lokasi untuk jalan-jalan, apa kata kita buat lawatan sambil belajar ke Pusat Sains Negara (PSN).

Lokasinya tidak perlu bimbang, taip sahaja PSN, pasti kepintaran pandu arah GPS, akan membawa anda ke destinasi yang dikehendaki.

Sempena musim cuti sekolah ini, PSN begitu teruja menyambut ketibaan anda. Dan sebagai penghargaan, banyak aktiviti menarik disediakan, di samping pengisian ilmiah dan uji kaji sains yang disediakan sepanjang masa.

Anak-anak yang minat dengan misi penyiasatan, pastinya bersemangat untuk menyelami kisah yang disediakan dalam pameran bertema *Whodunit? murder mystery at menagerie park*.



Banyak aktiviti menarik disediakan untuk pengunjung.

Pameran bertema ini adalah acara yang dianjurkan setiap tahun dan objektinya untuk menarik lebih ramai pengunjung di samping meningkatkan minat serta kesedaran dalam bidang sains, teknologi, dan inovasi kalangan masyarakat. Pameran ini juga anjuran bersama PSN dan Scitech Perth Australia.

Antara perkara menarik tentang pameran ini ialah ianya berkonsepkan sains forensik yang memberi peluang kepada pengunjung mencabar minda dan menjadi detektif untuk sama-sama menyelesaikan jenayah.

Pameran ini juga membawa pengunjung dalam satu situasi untuk menyelesaikan masalah jenayah yang berlaku dalam persekitaran zoo yang dinamakan Menagerie Park. Pengunjung akan bersama seronok kerana turut serta mengesan penjenayah sebenar dan menyiasat secara terperinci seperti yang dijalankan penyiasat sebenar.

Sasaran pengunjung adalah pelajar sekolah, berumur 10 tahun ke atas, penuntut universiti, dewasa dan seisi keluarga. Dibuka kepada orang ramai bermula 8 September 2014 hingga 5 Februari 2015.


Di samping pameran bertema, penulis

## INFO

Persiaran Bukit Kiara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
03-2092 1150  
<http://www.psn.gov.my/>  
<https://www.facebook.com/PusatSainsNegara>  
instagram: @pusatsainsnegara



Acara perasmian festival sains baru-baru ini.



Pertunjukan belon air sabun begitu menghiburkan.

tertarik juga dengan beberapa agenda lain antaranya makmal yang menyediakan uji kaji tentang kitaran kehidupan dan rama-rama sebagai subjek kajian. Ilmu sains dan proses kitaran hidup diuraikan secara terperinci.

Kanak-kanak sedah pasti mendapat jawapan sewajarnya apabila melihat secara lebih dekat proses persenyawaan rama-rama itu. Pengunjung juga boleh melepaskan sendiri rama-rama dalam taman yang disediakan.

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 22  
TARIKH: 3 DISEMBER 2014 (RABU)

## Kepakaran siber Malaysia diiktiraf antarabangsa

**KUALA LUMPUR 2 Dis.** - Kecemerlangan Malaysia di peringkat antarabangsa terus diiktiraf selepas dipilih sebagai Sekretariat Tetap Badan Gabungan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 dan Anugerah CIO/CSO 2014 di Ho Chi Minh, Vietnam hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Cyber-Security Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, pemilihan Malaysia itu sekali gus menghargai kepimpinan dan kepakaran negara dalam bidang keselamatan siber.

Menurutnya, pada majlis itu, Amirudin diumumkan sebagai penerima Anugerah Ketua Penerangan Cemerlang/Pegawai Keselamatan (Anugerah CSO).

"Semua ini membawa Cyber-Security Malaysia semakin hampir mencapai visi dan misi untuk

menjadi agensi yang diiktiraf di peringkat global, pusat rujukan keselamatan siber negara dan pusat pakar menjelang tahun 2020.

"Dengan pengiktirafan melalui Anugerah CSO ini sebenarnya menunjukkan Malaysia mampu untuk berdaya saing dalam bidang keselamatan siber, malah mempunyai kepakaran yang terbaik dalam pengurusan organisasinya.

"Anugerah ini juga adalah sebagai pengiktirafan tertinggi yang diberikan kepada Ketua Penerangan/Pegawai Keselamatan di rantau ASEAN ini," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan, setelah dilantik sebagai



AMIRUDIN

ketua di CyberSecurity Malaysia sejak Januari 2013, pelbagai inisiatif telah dilakukan bagi mengukuhkan agensi terbabit yang bertanggungjawab atas keselamatan dan kesejahteraan ruang siber negara.

"Antara inisiatif dalam menetapkan hala tuju strategik baharu di bawah agensi

itu adalah dengan mewujudkan lapan Pusat Kebangsaan Kecemerlangan.

"Dalam meningkatkan perkongsian awam dan swasta pula, akan diperkenalkan Program Kerjasama Industri (ICP) untuk meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa melalui pelbagai keselamatan siber dua hala dan platform pelbagai hala," katanya.

# Jabatan Meteorologi pasang alat jangka suhu

**Kota Kinabalu:** Termometer atau alat jangka suhu kini dalam pembinaan di Kundasang dan dijangka siap serta beroperasi pada awal tahun depan.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tusin, berkata alat itu yang ditempatkan di Kampung Mesilou adalah antara 20 jangka suhu dipasang di seluruh Sabah.

Beliau mengakui, sebelum ini tiada jangka suhu dipasang di Kundasang untuk mengukur sama ada berlaku perubahan suhu di kawasan kaki gunung berkenaan.

#### Kos RM50,000

"Pemasangan alat jangka suhu itu nanti yang dibina dengan kos RM50,000 akan dapat mencatatkan suhu sebenar di Kundasang," katanya kepada BH.

Beliau mengulas laporan BH

Bongkar mengenai suhu di Kundasang yang didakwa meningkat berbanding beberapa tahun lalu, namun ia sukar dibuktikan kerana tiada alat pengukur suhu ditempatkan di kawasan peranginan itu.

Bagaimanapun, penduduk asal Kundasang serta pakar geografi tidak menolak suhu di Kundasang meningkat disebabkan pembangunan pesat, selain pembukaan tanah kebun baharu dan penggunaan racun serangga secara berlebihan.

Mengulas lanjut, Abdul Malek berkata, ketika ini suhu boleh diukur melalui penggunaan satelit, tetapi lazimnya ada masalah dalam aspek ketepatan.

"Kita khuatir penggunaan satelit mungkin merekodkan suhu yang tidak tepat kerana kawasan Kundasang mempunyai banyak awan," katanya.



**Pembangunan pesat** menjadi antara faktor punca suhu di Kundasang makin meningkat.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]



## Banjir Kilat Landa Beberapa Lokasi Di Labuan

LABUAN, 2 Dis (Bernama) -- Hujan lebat dan berterusan mengakibatkan banjir kilat awal hari ini di beberapa kawasan rendah di pulau ini, antaranya Taman Mahkota Impian dan kawasan perumahan di Jalan Pantai.

Hujan mengakibatkan longkang melimpah dan air banjir yang berbau busuk memasuki beberapa buah rumah, menimbulkan keresahan di kalangan penduduk.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan Zainal Madasin berkata beliau mengarahkan anggota jabatan itu bersiap siaga untuk berdepan apa jua kemungkinan, termasuk tanah runtuh.

Beliau menasihati pengusaha bot laju yang membawa penumpang agar sentiasa berwaspada, dan menambah keadaan cuaca sekarang turut membawa angin kencang serta ombak besar.

Jadual bot dilaporkan terjejas semalam dan pagi ini bagi perjalanan dari Menumbok ke Labuan disebabkan hujan tidak berhenti-henti.

Menurut [Jabatan Meteorologi](#), hujan lebat dijangka berlaku di negara ini berikutan musim monsun.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 3 DISEMBER 2014 (RABU)



## Gempa Bumi Kuat Di Pulau Mindanao, Filipina

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Gempa bumi berukuran 6.5 pada skala Richter berlaku di Mindanao, Filipina pada pukul 1.11 tengah pada Selasa.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataannya berkata pusat gempa bumi itu terletak 142 kilometer Tenggara dari Zamboanga City, Filipina, dan 549 kilometer Timur Laut dari Kinabatangan Sabah.

Gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

Bagaiamanapun Jabatan Meteorologi sedang memantau perkembangan ini dan akan memaklumkan maklumat yang terkini.

-- BERNAMA



## Pelan Induk Teknologi Hijau Dilaksana Tahun Depan

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) sedang merangka pelan induk teknologi hijau bagi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Pelan induk itu, yang akan dilaksanakan pada awal tahun depan, akan memperinci garis panduan dan hala tuju syarikat dalam usaha mengurangkan intensiti karbon sebanyak 40 peratus menjelang 2020.

"Pelan induk itu memerlukan kerajaan dan syarikat swasta bekerjasama dan mencapai sasaran 40 peratus dalam tenaga, pengangkutan, binaan, sisa dan air," kata Ketua Pegawai Kewangan MGTC Woon Foo Wen di luar Persidangan Antarabangsa mengenai Perolehan Hijau dan Pelabelan Eko di sini Selasa.

Terdahulu, dalam ucapannya, Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata Malaysia telah mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak lebih 33 peratus.

"Pengurangan itu dicapai walaupun menghadapi kesukaran dalam memenuhi jaminan yang dibuat pada 2009.

"Enam tahun akan datang penting bagi kami kerana kami mahu mencapai sasaran pengurangan intensiti pelepasan karbon sebanyak 40 peratus.

"Ia boleh dicapai sebaik kita dapat menjana elektrik yang lebih bersih daripada sumber boleh diperbaharui, menjimatkan tenaga dan menggalakkan pengangkutan bersih dan mapan serta pertumbuhan industri hijau," katanya.

Persidangan dua hari itu bertujuan membantu para peserta memahami amalan perolehan hijau dan penggunaan label eko sebagai kaedah bagi proses perolehan hijau.

Mahdzir berkata tiga agensi di Malaysia yang menyediakan skim pensijilan alam sekitar ialah **SIRIM Bhd**, Suruhanjaya Tenaga Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.